

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 30 MAC 2024  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 4

### 9.24 juta sudah daftar padu

# 9.24 juta sudah daftar PADU

Jabatan Perangkaan tambah 300 kaunter fizikal di seluruh negara

Oleh Noor Atiqah Sulaiman  
nooratiqah.sulaiman@bh.com.my

Kuala Lumpur: Jumlah rakyat di negara ini yang mengemas kini maklumat dalam Pangkalan Data Utama (PADU) meningkat kepada 9.24 juta, setakat 11.59 malam kelmarin.

Menerusi data dikongsikan Facebook rasmi PADU, daripada jumlah berkenaan paling tinggi mendaftar adalah mereka yang menetap di Selangor dengan 1.45 juta orang.

Ia diikuti Johor dengan 1.02 juta, Perak (0.91 juta) Sarawak (0.89 juta), Sabah (0.79 juta), Kedah (0.71 juta), Kelantan (0.62 juta), Kuala Lumpur (0.54 juta) serta masing-masing 0.52 juta dilaporkan



Orang ramai hadir ke kaunter untuk mendapatkan bantuan mengemas kini maklumat PADU.  
(Foto fail NSTP)

di Pulau Penang dan Pahang.

Selain itu, di Terengganu iaitu sebanyak 0.44 juta, Negeri Sembilan (0.39 juta), Melaka (0.28 juta), Perlis (0.10 juta), Putrajaya (0.03 juta) dan Labuan (0.2 juta).

Pada 2 Januari lalu, PADU dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai pangkalan data berkaitan maklumat asas demografi, pen-

didikan, pekerjaan, pendapatan, komitmen dan bantuan yang diterima rakyat.

Objektifnya untuk menyediakan pangkalan data utama negara bagi penghasilan analitik berkala dan digitalisasi tanpa ketirisan, menggubal dasar dan proses membuat keputusan berpacukan data serta mengimbangi kedudukan fiskal menerusi pe-

laksanaan dasar secara bersasar

**Susun pelbagai strategi**  
Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli, berkata penyasaran semula subsidi nanti akan menggunakan maklumat yang ada dalam sistem PADU.

Sementara itu, Ketua Perwakilan Malaysia, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin dilaporkan berkata, jabatannya sedang giat menyusun pelbagai strategi termasuk menambah 300 kaunter fizikal di seluruh negara.

Katanya, ia untuk memastikan proses mengemas kini maklumat dalam sistem PADU berjalan lancar menjelang tarikh akhir pada 31 Mac ini.

Beliau berkata, tindakan itu adalah persediaan bagi menampung 6,000 kaunter fizikal sedia ada di seluruh negara yang digembung bersama beberapa agensi termasuk Jabatan Perangkaan, pihak berkuasa tempatan, pertubuhan bukan kerajaan dan penggunaan lebih 900 Pusat Sebaran Maklumat Nasional bagi menghadapi kesesakan yang dijangka berlaku pada hari itu.